

Pemilihan pelajar guna sistem meritokrasi tepat

Oleh Khairina Yasin

PEMILIHAN berdasarkan sistem meritokrasi yang digunakan Jabatan Pengajian Tinggi memproses permohonan lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), matrikulasi dan setaraf ke program pengajian peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi sesi akademik 2004/2005 adalah tepat.

Pengerusi Majlis Naib Canselor IPTA, Prof Datuk Abu Hassan Othman, berkata berdasarkan sistem itu, hanya pelajar yang mempunyai merit tertinggi dan berkelayakan di-

terima masuk mengikuti pengajian di institusi tertentu.

Justeru, katanya, tindakan sesetengah pihak yang mempersoalkan dan meragui ketelusan pelaksanaan sistem meritokrasi tidak seharusnya timbul.

"Apabila kita mengamalkan sistem ini, mereka tidak sepatutnya mempersoalkan lagi kerana pemilihan dibuat berasaskan merit, bukan lagi berdasarkan kuota mengikut kaum.

"Hakikatnya, dasar kerajaan memperkenalkan sistem meritokrasi bagi mewujudkan tahap intelektual dan profesional yang seimbang kepada semua kaum," katanya ketika

dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Seramai 38,892 calon ditawarkan melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama pada tahun ini, bertambah 1,818 calon atau 4.9 peratus berbanding 37,074 pada sesi lalu.

Daripada jumlah itu, pelajar Bumiputera mencatat jumlah tertinggi yang layak iaitu 24,837, meningkat sebanyak 1,655 calon atau 7.1 peratus berbanding tahun lalu sejak pemilihan calon ke IPTA menggunakan sistem meritokrasi diperkenalkan pada 2002.

Mengulas mengenai peningkatan itu, Abu Hassan

berkata, senario berkenaan membawa mesej yang cukup positif dan melegakan pelbagai pihak.

Katanya, pelajar Bumiputera kini semakin matang selain mempunyai kesedaran, keazaman tinggi dan mula bersaing bagi mendapat tempat di IPTA.


"Dan berbekalkan kesedaran bahawa persaingan ke IPTA semakin sengit, mereka berusaha menjadi pelajar terbaik di kalangan kumpulan pelajar cemerlang," katanya.

Abu Hassan yang juga Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah tidak menolak kemungkinan bahawa sistem meritokrasi secara langsung

mendorong pencapaian keputusan cemerlang setiap pelajar.

Mengenai pelajar yang ditawarkan program bukan pilihan, katanya, setiap IPTA mempunyai kuota pengambilan dalam program yang ditawarkan, khususnya beberapa program kompetitif seperti farmasi dan undang-undang.

"Justeru, hanya pelajar terbaik berasaskan merit berjaya diterima mengikuti program itu. Dan bagi pelajar yang gagal mendapat tempat dalam program pilihan, mereka perlu bersikap positif dan sebaiknya menerima tawaran program yang ditentukan universiti," katanya.



Prof Abu Hassan Othman